

15 NOV 2000
APEC-SIDANG KEMUNCAK
SIDANG KEMUNCAK PEMIMPIN APEC BERMULA

Oleh: Mohd Nasir Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Apec (AELM) bermula di sini hari ini dengan hampir kesemua ketua-ketua daripada 21 ekonomi anggota menyertainya di Pusat Konvensyen Antarabangsa (ICC) di sini, hari ini.

Setakat ini, 15 daripada 21 ketua-ketua telah tiba untuk menyertai Sidang Kemuncak Apec 2000 selama dua hari, yang pertama di alaf baru, manakala dua ekonomi, Vietnam dan Taiwan, telah menghantar Wakil Ketua masing-masing.

Pemimpin yang telahpun berada di sini termasuklah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Presiden China Jiang Zemin, Presiden Russia Vladimir Putin, Perdana Menteri Jepun Yoshiro Mori, Presiden Indonesia Abdul Rahman Wahid dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Pemimpin-pemimpin lain seperti Perdana Menteri Thai Chuan Leekpai dijangka tiba di sini hanya pada malam ini tetapi masih mempunyai masa menghadiri Majlis Beristirehat ketua-ketua di Jerudong Polo Club, esok.

Sidang Kemuncak itu menyusuli Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOM) selama dua hari pada 10-11 Nov dan Mesyuarat menteri-Menteri pada 12-13 Nov.

Bagaimanapun, SOM, yang dijadualkan berlangsung selama dua hari berjaya merumuskan penetapan agenda mereka bagi Mesyuarat Menteri-Menteri dalam masa sehari sahaja.

Merujuk kepada jadual Sidang Kemuncak itu, ketibaan Ketua-Ketua Ekonomi di ICC pada jam 2 petang akan disambut oleh Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanah Bolkiah di dataran hadapan pusat itu.

Mereka kemudiannya akan bergambar beramai-ramai di dataran pusat itu sebelum menghadiri Taklimat Agenda Ketua-Ketua kira-kira setengah jam di Dewan Muzakarah, di ICC.

Kemudiannya, mereka akan mengadakan dialog dengan Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC), -- bahagian sektor swasta APEC, di Dewan Dataran Utama ICC selama kira-kira sejam.

Pemimpin-pemimpin itu juga akan dibawa mengunjungi Pameran Seni Artis Muda di Dewan Delima Hall, ICC, sebelum mereka menghadiri Majlis Makan Malam di Plenary Hall, ICC, kemudiannya.

-- BERNAMA
MNY MR ZK MA